

### BAB 3

#### AKTIVITI PERINDUSTRIAN DI KUALA LUMPUR

Bahagian ini akan membincang ciri-ciri utama aktiviti perindustrian di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Perbincangan tertumpu kepada dua perkara iaitu:

- a. tinjauan umum kegiatan perindustrian di Kuala Lumpur; dan
- b. profil industri kecil di Kuala Lumpur.

Hasil perbincangan dari perkara di atas akan dapat memberi sedikit sebanyak penunjuk kepada penglibatan Bumiputera Kuala Lumpur di dalam sektor industri.

#### **Perindustrian di Kuala Lumpur - Satu Tinjauan**

Perindustrian merupakan kegiatan ekonomi yang kedua penting di Kuala Lumpur selepas perdagangan dan perkhidmatan. Pada tahun 1970, sektor perindustrian di Kuala Lumpur menawarkan sebanyak 36,700 peluang pekerjaan, iaitu 15% dari jumlah guna tenaga. Dalam tahun 1980, jumlah tersebut bertambah kepada kira-kira 81,000, iaitu 16.4% dari jumlah keseluruhan guna tenaga. Daripada jumlah tersebut sebanyak 16,000

peluang pekerjaan ditampung oleh industri besar. Selebihnya, iaitu 65,000 peluang pekerjaan atau 80% dari jumlah itu ditampung oleh industri kecil. Adalah dianggarkan peluang pekerjaan dalam bidang perindustrian akan meningkat kepada 133,500 dalam tahun 1990 dan 141,800 dalam tahun 2000 (Pelan Struktur Kuala Lumpur: 1986).

Dasar pembangunan perindustrian di Kuala Lumpur menghadkan perkembangan industri kepada industri-industri kecil dan sederhana untuk mencapai penggunaan tanah yang optimum mengikut kepadatan guna tenaga. Jumlah tanah perindustrian di Kuala Lumpur pada tahun 1980 ialah 860 hektar (2,127 ekar). Dijangkakan jumlah tersebut akan bertambah kepada 1,334 hektar (3,320 ekar) pada tahun 2000 sebagaimana yang diunjurkan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1

Wilayah Persekutuan : Unjuran Keperluan  
Tanah Perindustrian 1990-2000

Unit Perancangan	1980 Hektar (ekar)	1990 Hektar (ekar)	2000 Hektar (ekar)
1. Kawasan Perancangan Pusat	5( 12)	-	-
2. Jinjang	119( 295)	119( 295)	119( 295)
3. Sentul	144( 355)	144( 355)	144( 355)
4. Setapak	36( 90)	93( 229)	102( 253)
5. Wangsa Maju	34( 83)	43( 107)	175( 431)
6. Datuk Keramat	-	21( 51)	30( 73)
7. Maluri	21( 53)	45( 111)	78( 188)
8. Bukit Anggerik	74( 182)	74( 182)	74( 182)
9. Bandar Tun Razak	98( 242)	98( 242)	98( 242)
10. Seputeh	66( 164)	54( 133)	54( 133)
11. Bukit Indah	53( 132)	54( 132)	53( 132)
12. Bukit Jalil	12( 30)	39( 97)	126( 311)
13. Damansara	-	-	-
14. Pencala	11( 26)	46( 113)	91( 224)
15. Edinburgh	36( 89)	36( 89)	45( 111)
Kem Sungai Besi	-	-	-
Universiti Malaya	-	-	-
KEMENTAH	-	-	-
Kelab Golf Diraja Selangor	-	-	-
Chan Sow Lin	151( 374)	151( 374)	151( 374)
Jumlah	860(2127)	1021(1523)	1344(3320)

Sumber: Pelan Struktur Kuala Lumpur, DBKL, 1986: 125

Bancian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ke atas industri-industri di Kuala Lumpur pada tahun 1991 mendapati jumlah keseluruhan industri di Kuala Lumpur ialah sebanyak 4,507. Bancian ini mengambil kira aktiviti perkhidmatan seperti perkhidmatan membaiki barangan isi rumah, membaiki kenderaan, dan kemudahan stor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,289 atau 73% berlesen dan 1,218 lagi tanpa lesen. Perincian maklumat dapat dilihat dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2

Klasifikasi Industri Mengikut Bancian  
Pada Tahun 1991

Bil.	Perkara	Berlesen	Tidak Berlesen	Jumlah
	Perkhidmatan dan membaiki barangan isi rumah	143	62	205
2.	Perkhidmatan dan membaiki kenderaan serta alat-alat per-kilangan	485	308	
3.	Kemudahan Stor	1,301	305	1,606
4.	Industri Ringan (A)	500	157	657
5.	Industri Ringan (B)	207	150	357
6.	Industri Ringan (C)	502	189	691
7.	Industri Berasaskan Sumber	-	-	-
8.	Industri Intensif Modal	28	19	47
9.	Industri Pencemaran	80	19	99
10.	Pencemaran Mudah Terbakar	43	19	52
	Jumlah	3,289	1,218	4,507

Sumber: DBKL, 1992

Sehubungan dengan ini, DBKL pernah membuat satu kajian terperinci terhadap sektor perindustrian dan ciri-ciri aktiviti tersebut di Kuala Lumpur pada tahun 1986. Kajian tersebut membanci 3,804 pertubuhan yang disenaraikan sebagai pertubuhan industri di bawah pentadbiran DBKL termasuk semua pertubuhan industri yang terletak di atas tanah yang dizonkan untuk tujuan perdagangan, perumahan, dan tujuan-tujuan lain. Kajian itu juga merangkumi semua unit pertubuhan yang menggunakan tenaga kerja kurang dari lima orang dan pertubuhan besar yang mempunyai tenaga kerja lebih daripada 50 orang. Kajian DBKL itu memberi satu gambaran yang menyeluruh tentang sektor perindustrian di Kuala Lumpur khususnya terhadap aktiviti sektor industri kecil di kawasan ini. Kajian ini juga memperlihatkan beberapa ciri umum aktiviti sektor industri kecil dari segi hak milik, jenis perusahaan, tenaga kerja, dan modal yang didapati mempunyai persamaan dengan ciri-ciri aktiviti industri di seluruh negara.


#### **Taburan Kawasan Industri di Kuala Lumpur Mengikut Unit**

Perancangan kawasan perindustrian ditetapkan oleh pihak pentadbiran Dewan Bandaraya di Kuala Lumpur. Ia terbahagi kepada 16 kawasan. Peta 3.1 dan Jadual 3.3 menunjukkan bahawa wujud pembahagian yang tidak

seimbang dari segi pertumbuhan dan tenaga kerja antara kawasan-kawasan tersebut. Kebanyakan pertumbuhan terletak di kawasan utara Kuala Lumpur, terutama sekali di Jinjang. Tumpuan selanjutnya ialah di bahagian selatan Kuala Lumpur, termasuk kawasan Bukit Indah, Jalan Chan Sow Lin, dan Bandar Tun Razak.

Peta 3.1

Taburan Pertubuhan Industri dan Guna Tenaga Di Wilayah Persekutuan Pada Tahun 1984



Sumber: Kajian Ke Atas Perancangan Perindustrian, DBKL, 1986.



Jadual 3.3

Taburan Industri Mengikut Unit Perancangan

Unit Perancangan	Bil. Pertubuhan
1. Kawasan Pusat Perancangan	132
2. Jinjang	1,025
3. Sentul	159
4. Setapak	172
5. Wangsa Maju	82
6. Datuk Keramat	21
7. Maluri	96
8. Bukit Anggerik	35
9. Bandar Tun Razak	229
10. Seputih	361
11. Bukit Indah	1,008
12. Bukit Jalil	91
13. Damansara	3
14. Penchala	8
15. Edinburgh	39
16. Jalan Chan Sow Lin	343
Jumlah	3,804

Sumber: Kajian Ke Atas Perancangan Industri Kuala Lumpur, DBKL, 1986.

Jadual 3.3 menunjukkan Jinjang dan Bukit Indah sebagai kawasan yang mempunyai banyak sekali pertubuhan industri, iaitu masing-masing 1,025 pertubuhan (26.9% daripada jumlah keseluruhan) dan 1,008 (26.5% daripada jumlah keseluruhan). Kawasan-kawasan lain seperti Seputeh, Setapak, Bandar Tun Razak, dan Sentul mempunyai kira-kira 160 hingga 340 pertubuhan atau 4% hingga 9% daripada jumlah keseluruhan.

Kajian Dewan Bandaraya itu juga mendapati bahawa sebahagian besar industri di Kuala Lumpur terdiri daripada industri ringan seperti perusahaan makanan, barangan pengguna dan jentera ringan. Sebanyak 3,540 pertubuhan atau 93% terdiri daripada kategori ini. Selebihnya (7%) terdiri daripada industri berat yang merangkumi industri berdasarkan sumber dan industri yang berkapital intensif.

Dari segi organisasi perusahaan, ciri yang ketara bagi industri-industri di Kuala Lumpur ialah sebilangan besar ialah hak milik tunggal. Kajian Dewan Bandaraya mendapati 2,253 pertubuhan atau 60% daripada jumlah keseluruhan dimiliki oleh pemilik tunggal. Penemuan yang sama didapati daripada kajian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada tahun 1990. Daripada 382 pertubuhan industri kecil yang dikaji di

Kuala Lumpur, sebanyak 189 pertubuhan atau 49.5% ialah milik tunggal manakala 50.5% ialah milik perkongsian.

Data mengenai pemilikan mengikut kumpulan etnik adalah terlalu kurang atau tidak lengkap. Pihak Dewan Bandaraya tidak dapat mengumpul data yang tepat mengenai perkara ini. Dalam kajiannya pada tahun 1986, DBKL mendapati bahawa hanya 1,233 pertubuhan memberi tindak balas. Daripada bilangan tersebut, 1,008 pertubuhan atau 81.7% dimiliki oleh orang Cina, 86 pertubuhan atau 7% dimiliki oleh orang Melayu, 46 pertubuhan oleh orang India, dan selebihnya oleh orang asing. Kajian yang sama mendapati kira-kira 82% memulakan perusahaan sejak tahun 70-an, manakala kira-kira 10% ditubuhkan antara tahun 1960-1969. Perusahaan yang dikendalikan dalam tahun-tahun 1970-an dan 80-an lebih menumpukan kepada perusahaan industri ringan yang merangkumi industri pemakanan, jentera ringan, dan barang-barang pengguna. Perusahaan yang dimulakan lebih awal lebih menumpukan kepada perkhidmatan dan pembaikan kenderaan dan ruang stor.

Salah satu masalah utama industrialisasi di Kuala Lumpur ialah pertubuhan yang dikaji beroperasi tanpa lesen. Ini menyukarkan pihak pentadbiran bandaraya mengawal perkembangan industri. Jadual 4.2 menunjukkan

bahawa sebanyak 27% pertubuhan tidak mempunyai lesen, manakala 73% berlesen. Daripada kajiannya, DBKL mendapati bahawa bilangan perusahaan tanpa lesen ialah perusahaan yang mengeluarkan barangan pengguna (khususnya barangan rumah), bengkel-bengkel kereta, dan kemudahan stor.

Kajian DBKL 1986 juga mendapati bahawa 58.5% daripada pertubuhan terletak di tanah-tanah yang dimiliki sendiri oleh pengusaha. Sebanyak 30.8% berada di atas tanah milik DBKL, dan sebanyak 4.3% dan 6.4% terletak di tanah simpanan dan tanah lesen pendudukan sementara. Sebanyak 29% dikendalikan di atas lot-lot yang kurang dari 200 meter persegi. Sementara 30% lagi terletak di atas lot berukuran 100 hingga 500 kaki persegi. Dengan yang demikian lebih daripada setengah pertubuhan diusahakan di atas kawasan yang kecil yang menunjukkan bahawa perusahaan yang dijalankan ialah perusahaan kecil.

Dari segi pemilikan bangunan di mana perusahaan dijalankan, hampir 97% daripada kes yang dikaji oleh DBKL menjalankan perusahaan di atas tanah milik perseorangan. Walau bagaimanapun, sebanyak 57% menyewa bangunan yang diduduki manakala 43% ialah milik pengusaha sendiri. Kaedah sewa-menyewa merupakan

satu kelaziman di kawasan perusahaan itu. Dengan yang demikian, adalah satu perkara yang biasa jika didapati berbagai-bagai jenis aktiviti dijalankan di dalam satu tapak/premise. Selain aktiviti utama, iaitu aktiviti pengeluaran barangan, terdapat juga pelbagai aktiviti sekunder seperti pejabat am, pejabat jualan, stor, perkhidmatan pembaikan, dan juga tempat tinggal pengusaha atau pekerja-pekerjanya.

Kebanyakan daripada bangunan yang digunakan ialah bangunan-bangunan jenis kayu. Bangunan kayu lebih popular di kalangan pengusaha kerana ia lebih murah daripada bangunan batu dan dapat didirikan dengan cepat. Walau bagaimanapun, bangunan-bangunan ini dianggap tidak sesuai dari segi persekitaran kawasan perindustrian kerana memberi gambaran bangunan itu tidak tahan lama dan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lemah.

Kebanyakan industri di Kuala Lumpur mempunyai harta tetap yang rendah nilainya, iaitu kurang daripada RM250,000. Kajian DBKL mendapati 86% daripada pertubuhan mempunyai harta tetap kurang dari RM250,000. Kebanyakan pertubuhan itu mempunyai harta tetap bernilai antara RM10,000 hingga RM50,000 sahaja.

Sebanyak 14% yang lain mempunyai harta tetap bernilai RM250,000 hingga lebih RM1 juta.

Maklumat mengenai aktiviti perindustrian di Kuala Lumpur kini boleh dibandingkan dengan ciri-ciri yang wujud di dalam aktiviti industri kecil yang ada di Kuala Lumpur.

### **Aktiviti Industri Kecil di Kuala Lumpur**

Satu perkara yang amat ketara dalam aktiviti perindustrian di Kuala Lumpur ialah bahawa ia didominasi oleh industri kecil. Lebih 90% terdiri daripada industri kecil dan industri teramat kecil.

Industri teramat kecil ditakrifkan sebagai perusahaannya yang mempunyai kurang dari lima orang pekerja dan menjalankan aktiviti pengeluaran yang terlalu minimum dari semua segi. Kajian DBKL mendapati sebanyak 1,477 pertubuhan atau 39% daripada jumlah keseluruhan terdiri daripada industri kategori ini. Sebanyak 2,200 pertubuhan merupakan industri yang mempunyai pekerja antara 5 hingga 49 orang. Selebihnya ialah industri besar. Perincian maklumat dapat dilihat dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4

Industri di Kuala Lumpur Mengikut Saiz Pekerja

Saiz Pekerja	Bilangan Pertubuhan	Peratus (%)
0-5	1,477	38.8
5-49	2,200	57.8
50-99	84	2.2
100	43	1.1
Jumlah	3,804	100

Sumber: Kajian Ke Atas Perancangan Industri DBKL, 1986.

Kebanyakan industri teramat kecil ini berorientasikan perkhidmatan untuk kegunaan tempatan seperti pelaburan dan pembaikan kenderaan. Aktiviti ini banyak dijalankan di bangunan separuh kekal di kawasan Kepong/Jinjang di sebelah utara dan di kawasan Sungai Besi/Salak Selatan/Puchong Selatan. Kebanyakan industri teramat kecil yang mempunyai pekerja kurang dari lima orang terdapat di kawasan-kawasan seperti Datuk Keramat, Bukit Anggerik, PENCHALA dan Bukit Jalil. Pertubuhan yang mempunyai lima hingga 49 orang


pekerja pula pada amnya menjalankan perusahaan industri ringan seperti mengeluarkan barangan pengguna, makanan, dan barangan berasaskan kayu. Industri-industri di dalam kategori ini boleh didapati di kawasan unit perancangan Jinjang, Bukit Indah, Bandar Tun Razak, Maluri, dan Sentul.

Peta 3.2 memberi perincian mengenai taburan industri kecil (dan teramat kecil) dan tahap guna tenaga di kawasan berkenaan.



Peta 3.2

Taburan Industri Kecil dan Teramat Kecil  
di Wilayah Persekutuan pada Tahun 1984



Sumber: Kajian Ke atas Perancangan Industri, DBKL 1986.

Industri kecil sememangnya dominan dalam keseluruhan aktiviti perindustrian di sekitar Kuala Lumpur berbanding dengan aktiviti industri sederhana dan industri besar. Ini ditunjukkan oleh Jadual 3.5. Dalam tahun-tahun sebelum 1950-an, 92% daripada jumlah keseluruhan industri ialah industri kecil, manakala 8% merupakan industri sederhana dan industri besar. Kedudukan begini berterusan sehingga tahun-tahun 1970-an dan 1980-an. Penguasaan aktiviti industri kecil pada ketika itu ialah masing-masing pada 96% dan 98%. Bilangan industri ini meningkat dengan ketaranya dalam tahun 1970-an dan 1980-an, sejajar dengan dasar kerajaan yang menggalakkan aktiviti industri kecil.

Jadual 3.5  
Penubuhan Industri Mengikut Saiz dan Tahun Penubuhan

Tahun Ditubuhkan	Bil. Pekerja (Bagi Setiap Industri)				Jumlah
	<5	5 - 49	50 - 99	100	
<1950	102	51	4	9	
1950-1959	32	90	8	4	134
1960-1969	124	243	13	10	390
1970-1979	634	1,081	46	14	1,775
1980 ke atas	585	735	13	6	1,339
Jumlah	1,477	2,200	84	43	3,804
=====	=====	=====	=====	=====	=====

Sumber: Kajian Perancangan Perindustrian DBKL, 1986.

Mengikut kajian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang dijalankan pada tahun 1990, daripada 382 industri kecil di Kuala Lumpur, 19% berada di subsektor perusahaan barangan berasaskan kayu, 18% aktiviti kertas dan keluaran kertas percetakan/penerbitan, 17.3% tertumpu kepada jentera ringan, 16.5% pemakanan dan 13.6% perusahaan tekstil. Selainnya ialah perusahaan logam asas, perusahaan kimia, getah dan plastik.

Satu ciri yang ketara mengenai industri kecil di Kuala Lumpur ialah bahawa ia beroperasi di kawasan yang tidak diperuntukkan untuk maksud kegiatan itu. Laporan DBKL dalam Pelan Struktur 1984 mendapati sebanyak 182 hektar kawasan digunakan secara tidak sah untuk kegiatan industri. Aktiviti-aktiviti ini sering berskel kecil dan senang ditubuhkan di mana-mana sahaja berbanding dengan industri berskala sederhana dan besar. Wujudnya beberapa halangan fizikal dan ekonomi bagi pembangunan industri berskel besar dan industri yang menggunakan tenaga intensif juga menjelaskan mengapa terdapat lebih banyak industri kecil daripada industri besar di Kuala Lumpur.

Pembangunan dan perkembangan industri besar adalah terhad kerana kekurangan tanah dan penanggungungan kos

operasi yang tinggi berbanding dengan industri kecil yang boleh bertahan kerana faktor-faktor persaingan yang wujud. Dengan kos operasi yang kecil, industri kecil juga boleh dijalankan di mana-mana sahaja, termasuklah di kawasan belakang rumah. Ini menimbulkan keadaan yang tidak teratur dan penuh sesak di sesuatu tempat. Ini juga menggalakkan pertumbuhan setinggan dan perindustrian haram.

Bagi mewujudkan struktur perindustrian kecil yang lebih teratur, pihak DBKL telah membentuk beberapa dasar dan cadangan bagi pembangunan perindustrian di Wilayah Persekutuan. Antara langkah yang dicadangkan dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 1984 ialah membina bangunan kilang bertingkat dan berderet dan menempatkan semula industri haram yang dikendalikan di kawasan kediaman, rumah kedai dan yang menumpang di tanah kerajaan atau tanah persendirian tanpa kebenaran pihak berkuasa. Beberapa kawasan perindustrian kecil dan sederhana telah didirikan di Setapak, Kampung Batu, dan Bandar Tun Razak, Cheras.

Kajian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga mendapati bahawa pada tahun 1990 sebanyak

256 perusahaan (67%) berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Perniagaan, 111 (29%) perusahaan mendaftar dengan Pejabat Pendaftaran Perniagaan dan 15 (4%) lagi didapati tidak berdaftar dengan mana-mana pihak. Frekuensi industri kecil tidak berdaftar di Kuala Lumpur didapati jauh lebih rendah daripada negeri-negeri lain, iaitu pada kadar 3% dari jumlah keseluruhan. Keadaan ini memberi gambaran bahawa aktiviti industri kecil di Kuala Lumpur lebih terkawal dari segi kawasan pentadbiran dan perundangan.

Kebanyakan industri kecil Kuala Lumpur menggunakan tanah persendirian yang dimiliki sendiri atau disewa untuk menjalankan aktivitinya. DBKL telah mendapati 61% dari industri kecil menggunakan tanah persendirian, 29% menggunakan tanah kerajaan dan 10% menggunakan tanah simpanan dan tanah berlesen sementara (T.O.L). Perincian mengenainya dilihat dalam Jadual 3.6.

Jadual 3.6

Taraf Hak Milik Kawasan Kilang Bagi Industri Kecil

Kategori Hak Milik Tanah	Bil. Pertubuhan
Tanah Persendirian	1,344
Tanah Simpanan	75
Tanah Kerajaan	634
T.O.L	141
Jumlah	2,194

Sumber: Kajian Ke atas Perancangan Industri  
DBKL, 1986.

Dari segi modal berbayar, kebanyakan industri kecil di Kuala Lumpur mempunyai modal berbayar kurang daripada RM50,000. Kajian Kementerian Perusahaan Antarabangsa dan Industri, 1990, menunjukkan bahawa dari 382 pertubuhan yang dikaji, 62% darinya mempunyai modal berbayar kurang daripada RM50,000. Ciri ini hampir sama dengan ciri yang didapati daripada pertubuhan industri kecil seluruh negara iaitu sebilangan besar pertubuhan mempunyai modal yang kecil.

Walau bagaimanapun, satu ciri yang sedikit berbeza dan ketara ialah wujudnya peratus pertubuhan yang agak

tinggi yang mempunyai modal berbayar antara RM100,000 hingga RM500,000. Sebanyak 88 pertubuhan atau 23% dari jumlah adalah di dalam kategori ini. Ini mungkin disebabkan wujudnya kemudahan sumber kewangan yang lebih baik berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

Selain daripada ciri-ciri di atas, aktiviti industri kecil Kuala Lumpur juga menunjukkan ciri-ciri yang sama dengan aktiviti keseluruhan perindustrian di Kuala Lumpur khususnya, dan aktiviti perindustrian seluruh negara amnya. Antara ciri-ciri tersebut termasuklah wujudnya bilangan milik tunggal yang tinggi dan penggunaan kawasan kerja yang agak sempit sama ada hak milik persendirian ataupun disewa. Kajian DBKL mendapati kira-kira 50% dari jumlah pemilik industri kecil ialah pemilik tunggal kilang dan tapak dan kira-kira 57% menyewa tempat perusahaan.

Perbincangan tentang ciri-ciri yang wujud dalam aktiviti industri di Kuala Lumpur ini menggambarkan kedudukan kegiatan industri kecil secara keseluruhan. Dalam konteks penglibatan Bumiputera pula, kedudukan mereka pada tahap yang minimum menggambarkan kedudukan sebenar pada peringkat nasional. Sejauhmanakah penglibatan mereka, siapakah mereka ini, dan bagaimanakah kemudahan yang ada di sekeliling mereka mempengaruhi

kemasukan mereka ke dalam sektor ini akan dibincang dalam bab-bab yang seterusnya. Perbincangan akan bertumpu kepada pengaruh faktor-faktor sosioekonomi ke atas penglibatan, prestasi dan kedudukan masyarakat bumiputera dalam perusahaan industri di sekitar Kuala Lumpur.

Daripada perbincangan mengenai aktiviti industri di kawasan Kuala Lumpur ini, dapat dirumuskan bahawa industri demikian mempunyai ciri-ciri berikut:

1. industri kecil merupakan kegiatan utama dalam sektor ini;
2. masyarakat Cina menguasai kegiatan ini dengan penglibatan Bumiputera pada tahap yang rendah;
3. kebanyakan perusahaan ialah milik tunggal;
4. perkembangan industri terhad kerana kekurangan tanah. Oleh itu, terdapat kegiatan yang dijalankan secara haram di tempat bukan kawasan perindustrian yang seterusnya menjadi punca perusahaan yang tidak teratur;



5. kebanyakan perusahaan dijalankan di kawasan yang sempit yang tidak mempunyai infrastruktur yang sempurna. Di beberapa tempat, lot yang ada dibahagi-bahagikan dan disewa, menjadikan ruang pertubuhan yang amat sempit;
6. jenis bangunan yang digunakan lazimnya diperbuat dari batu atau batu dan simen;
7. kebanyakan pertubuhan industri ini masih muda usianya, ditubuhkan dalam dekad DEB; dan
8. kebanyakannya terdiri daripada jenis industri ringan, iaitu seperti perusahaan mengeluarkan barangan pengguna, kertas dan percetakan, dan kejuruteraan ringan. Wujudnya pola saling bergantung antara satu industri dengan yang lain seperti industri perusahaan kayu-kayan yang lazimnya terletak berhampiran kilang-kilang papan.

## **Kesimpulan**

Peranan ketara yang dimainkan oleh aktiviti perindustrian di Kuala Lumpur ialah mewujudkan peluang pekerjaan dan kesan *multiplier* terhadap sektor guna

tenaga yang lain seperti perdagangan, perkhidmatan, dan pengangkutan. Dengan demikian, aktiviti industri dianggap sebagai subsektor ekonomi yang asas, memberi kesan terhadap aktiviti ekonomi keseluruhannya. Selanjutnya, penggunaan industri kecil di Kuala Lumpur mencerminkan kepentingan peranan keusahawanan dalam sektor industri Kuala Lumpur.